



**Perancangan
masa kini untuk
masa depan
yang terjamin**

M-Zahra INCOME TAKAFUL

Pelan perlindungan Takaful yang membolehkan perancangan kewangan anda dapat dicapai dengan lebih sistematik dan cepat.

- Tabungan Masa Hadapan
- Tunai Tahunan Terjamin
- Perlindungan Takaful
- Caruman Jangka Pendek
- Fleksibel



Imbas untuk memohon
atau kunjungi cawangan terdekat



بنك معاملة
Bank Muamalat
Kehidupan lebih baik, bersama

Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

🏠 **Perancangan kewangan dan perlindungan adalah dua elemen terpenting** dalam membina masa depan yang terjamin, terutamanya bagi mereka yang berkeluarga. Dengan adanya dua elemen itu, kelangsungan hidup keluarga anda dapat diuruskan dengan lebih baik ketika anda tiada lagi di sisi mereka.

🏠 **Salah satu intipati perancangan kewangan** adalah menetapkan simpanan dengan matlamat yang khusus seperti:

- Simpanan untuk pendidikan anak-anak;
- Simpanan untuk persaraan; dan
- Simpanan untuk penyelesaian hutang.

🏠 Memperkenalkan **M-Zahra Income Takaful**, pelan perlindungan Takaful yang membantu perancangan kewangan anda dapat dicapai dengan lebih sistematik dan cepat. Kelebihan **M-Zahra Income Takaful**:

- **Tabungan Masa Depan** : Tetapkan jumlah caruman yang anda mahukan berdasarkan kemampuan anda.
- **Tunai Tahunan Terjamin** : Terima bayaran tahunan dari tahun kedua sehingga tempoh matang.
- **Perlindungan Takaful** : Terima bayaran manfaat kematian/Keilangan Menyeluruh dan Kekal (KMK) sekaligus yang lebih tinggi akibat kemalangan.
- **Caruman Jangka Pendek** : Anda membayar caruman untuk tempoh masa yang singkat namun menikmati tempoh perlindungan yang panjang.
- **Fleksibel** : Anda boleh memilih untuk menambah jumlah tabungan anda pada bila-bila masa.

🏠 Jadikan **M-Zahra Income Takaful** sebahagian daripada perancangan masa kini anda untuk masa depan yang terjamin.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



AHLI KUMPULAN

DRB-HICOM

Ketahui kelebihan **M-Zahra Income Takaful** dengan lebih lanjut

• **TABUNGAN MASA HADAPAN**

M-Zahra Income Takaful membolehkan anda menetapkan jumlah caruman berdasarkan jumlah perlindungan bagi menjamin pulangan simpanan anda pada tempoh matang.

• **TERIMA BAYARAN TUNAI YANG DIJAMIN SETIAP TAHUN**

Melalui **M-Zahra Income Takaful** anda akan menerima bayaran tunai terjamin setiap tahun, bermula dari akhir tahun sijil ke-2 sehingga berlakunya kematian atau KMK, serahan atau tempoh matang, yang mana berlaku dahulu.

Akhir Tahun Sijil	Bayaran Tunai Terjamin
Tahun 2-5	8% x Jumlah Perlindungan
Tahun 6-10	10% x Jumlah Perlindungan
Tahun 11 & ke atas	12% x Jumlah Perlindungan

• **TAMBAH SIMPANAN PADA BILA-BILA MASA UNTUK JUMLAH TABUNGAN YANG LEBIH TINGGI**

M-Zahra Income Takaful adalah pelan yang fleksibel. Anda boleh meningkatkan jumlah tabungan anda dengan menambahkan jumlah Akaun Peserta (AP) anda pada bila-bila masa dengan tambahan caruman tunggal apabila anda mempunyai tambahan wang. Pilihan ini tersedia selepas 15 hari dari tarikh sijil berkuat kuasa.

• **TERIMA ELAUN ISTIMEWA UNTUK PERISTIWA HIDUP YANG PENTING**

Raikan momen paling berharga dalam hidup anda apabila anda menyertai **M-Zahra Income Takaful**. Anda akan menerima elaun tunai sebanyak 5% daripada jumlah perlindungan apabila anda berkahwin atau menyambut kelahiran cahaya mata. Jika anda tidak membuat tuntutan bagi manfaat ini sepanjang tempoh sijil, 5% daripada jumlah perlindungan ini akan tetap dibayar semasa tempoh matang.

• **BAYAR CARUMAN UNTUK TEMPOH YANG SINGKAT, NIKMATI PERLINDUNGAN YANG LEBIH LAMA**

Anda mempunyai pilihan untuk membayar caruman pelan **M-Zahra Income Takaful** anda selama 8 atau 12 tahun dan menikmati tempoh perlindungan selama 20 atau 25 tahun.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

• **TERIMA BAYARAN MANFAAT YANG TINGGI AKIBAT KEMALANGAN SEHINGGA 300% DARIPADA JUMLAH PERLINDUNGAN**

Apabila berlaku kematian atau KMK, bayaran manfaat yang ditetapkan ketika anda menyertai **M-Zahra Income Takaful** akan dibayar kepada keluarga anda seperti di bawah:

Kematian / KMK	Bayaran Manfaat	
Bukan akibat kemalangan	100%	Jumlah perlindungan; atau jumlah caruman yang kami terima ditolak sebarang manfaat tunai yang telah kami bayar, yang mana yang lebih tinggi
Akibat kemalangan*	200%	
Akibat kemalangan di luar negara	300%	
	+ baki Akaun Peserta	

*KMK yang disebabkan selain daripada punca kemalangan dan kematian / KMK akibat kemalangan berlaku sebelum umur 70 tahun pada hari lahir akan datang.

• **TERIMA BAYARAN TUNAI TAMBAHAN**

Khas untuk peserta **M-Zahra Income Takaful**, di samping bayaran manfaat kematian, kami juga akan membayar 10% daripada jumlah perlindungan sebagai elaun ihsan kepada keluarga anda. Duit tersebut boleh digunakan oleh keluarga anda untuk membayar kos pengebumian, bil hospital dan lain-lain.

• **TERIMA HASIL MENABUNG PADA TEMPOH MATANG (AKHIR) SIJIL**

Sekiranya anda kekal sihat dan hidup sehingga tempoh matang sijil **M-Zahra Income Takaful**, anda akan menerima kesemua jumlah tabungan atau Manfaat Kematangan:

- 150% daripada jumlah perlindungan + 5% daripada jumlah perlindungan (jika tiada tuntutan ke atas Elaun Peristiwa Hidup); atau
- baki di dalam Akaun Manfaat Terjamin (AMT), yang mana lebih tinggi.

Selain itu, sebarang baki di dalam AP juga akan dibayar kepada anda.

• **PENERIMAAN MUDAH**

Rekod pemeriksaan kesihatan tidak akan diminta semasa permohonan pelan **M-Zahra Income Takaful**.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Ketahui cara **M-Zahra Income Takaful** menggandakan wang anda.

Nama : Umar Sulaiman
Umur : 30 tahun pada hari lahir akan datang
Status : Baru bertunang
Caruman bulanan : RM325
Tempoh bayaran caruman : 8 tahun
Tempoh perlindungan : 20 tahun
Jumlah perlindungan asas : RM10,000
 (Jumlah tabungan)



- Elaun Peristiwa Hidup
- RM500



- Manfaat Kematangan 2% Setahun
- RM17,620



- Manfaat Kematangan 5% Setahun
- RM21,105

Maklumat grafik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja serta tidak dijamin.
 Senario ini tidak mewakili had atas dan bawah prestasi pelaburan AP dan AMT.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
 +603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli Kumpulan



Ciri-ciri asas M-Zahra Income Takaful

JENIS	BUTIRAN
Umur kemasukan	Untuk memohon: Minimum: 19 tahun pada hari lahir akan datang Maksimum: tiada Untuk orang yang dilindungi: Minimum: 14 hari (umur dicapai) Maksimum: 55 tahun pada hari lahir akan datang
Jumlah perlindungan	Minimum: RM10,000 Maksimum: RM300,000
Tempoh manfaat	20 atau 25 tahun
Tempoh bayaran caruman	8 atau 12 tahun
Mod bayaran caruman	Bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau tahunan

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli Kumpulan



Caj dan potongan M-Zahra Income Takaful

JENIS	BUTIRAN																																												
Yuran Wakalah	Wakalah merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada kami untuk mengurus pelan ini dan sebagai balasan, kami akan menerima yuran Wakalah. Peratusan caruman akan ditolak sebagai yuran Wakalah (caj pendahuluan) mengikut jadual di bawah. <table><tr><th rowspan="2">Tahun</th><th colspan="2">Yuran Wakalah</th></tr><tr><th>Tempoh Bayaran Caruman: 8 Tahun</th><th>Tempoh Bayaran Caruman: 12 Tahun</th></tr><tr><td>1</td><td>30%</td><td>35%</td></tr><tr><td>2</td><td>25%</td><td>25%</td></tr><tr><td>3</td><td>25%</td><td>25%</td></tr><tr><td>4</td><td>10%</td><td>15%</td></tr><tr><td>5</td><td>10%</td><td>15%</td></tr><tr><td>6</td><td>8%</td><td>10%</td></tr><tr><td>7</td><td>8%</td><td>10%</td></tr><tr><td>8</td><td>8%</td><td>10%</td></tr><tr><td>9</td><td>Tiada</td><td>10%</td></tr><tr><td>10</td><td>Tiada</td><td>10%</td></tr><tr><td>11</td><td>Tiada</td><td>5%</td></tr><tr><td>12</td><td>Tiada</td><td>5%</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>124%</td><td>175%</td></tr></table>	Tahun	Yuran Wakalah		Tempoh Bayaran Caruman: 8 Tahun	Tempoh Bayaran Caruman: 12 Tahun	1	30%	35%	2	25%	25%	3	25%	25%	4	10%	15%	5	10%	15%	6	8%	10%	7	8%	10%	8	8%	10%	9	Tiada	10%	10	Tiada	10%	11	Tiada	5%	12	Tiada	5%	Jumlah	124%	175%
Tahun	Yuran Wakalah																																												
	Tempoh Bayaran Caruman: 8 Tahun	Tempoh Bayaran Caruman: 12 Tahun																																											
1	30%	35%																																											
2	25%	25%																																											
3	25%	25%																																											
4	10%	15%																																											
5	10%	15%																																											
6	8%	10%																																											
7	8%	10%																																											
8	8%	10%																																											
9	Tiada	10%																																											
10	Tiada	10%																																											
11	Tiada	5%																																											
12	Tiada	5%																																											
Jumlah	124%	175%																																											
Tabarru'	Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian caruman untuk membantu peserta-peserta lain.																																												

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Soalan Lazim

S: Apakah Takaful?

J: Takaful adalah skim bantuan bersama berdasarkan prinsip perpaduan, persaudaraan, dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana bersama, iaitu Akaun Khas Peserta, yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain. Takaful Malaysia akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.

S: Berapakah caruman yang perlu dibayar?

J: Caruman bergantung kepada jumlah dan tempoh perlindungan, tempoh bayaran caruman serta mod bayaran anda.

S: Bagaimana cara untuk membayar caruman?

J: Anda boleh membayar caruman melalui kad kredit atau kad debit setiap bulan, suku tahunan, separuh tahunan atau setiap tahun. Kami akan secara automatik menolak caruman daripada kad kredit atau kad debit anda berdasarkan mod bayaran caruman pilihan pada setiap tarikh bayaran caruman.

S: Bolehkah saya mendapatkan pelepasan cukai apabila saya mengambil bahagian dalam pelan ini?

J: Ya, anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan, tertakluk pada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli Kumpulan



Nota Penting:

- i. Anda harus memastikan bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.
- ii. Amaun pokok yang diletakkan dalam AP atau AMT dan keuntungan pelaburan daripada AP atau AMT adalah tidak dijamin dan berdasarkan keuntungan pelaburan sebenar kami.
- iii. Elaun Peristiwa Hidup, Manfaat Tunai Terjamin dan Manfaat Kematangan Terjamin tidak akan dijamin jika anda tidak membuat caruman lebih dari tiga (3) bulan berturut-turut.
- iv. Anda dinasihatkan supaya membayar caruman secara berkala untuk menikmati perlindungan yang berterusan. Sijil anda akan luput apabila baki AMT menjadi kosong.
- v. Anda mungkin menerima baki dalam AMT dan AP (jika ada) apabila serahan, mungkin berkurangan daripada jumlah caruman yang telah dibayar. Manfaat Kematangan mungkin dibayar daripada Akaun Khas Peserta sekiranya terdapat kekurangan daripada AMT, tertakluk pada terma dan syarat sijil.
- vi. Sebarang semakan yuran dan caj atau caruman akan dibuat pada ulang tahun sijil dan kami akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari.
- vii. Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada mahu meneruskan pelan ini. Jika tidak, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang telah dibayar.
- viii. Brosur ini hanya memberikan maklumat umum. Ia bukan kontrak Takaful. Anda dinasihatkan merujuk kepada Helaian Penerangan Produk, ilustrasi pemasaran dan dokumen sijil untuk ciri-ciri dan manfaat penting terperinci pelan sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil bahagian dalam pelan ini. Pengecualian dan batasan manfaat yang diserlahkan tidak menyeluruh. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dengan ini menafikan sebarang liabiliti sekalipun sekiranya anda mengalami kerugian semata-mata dengan bergantung pada maklumat yang terkandung di sini.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Pengecualian:

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah sijil anda yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah sijil anda untuk kematian Orang Yang Dilindungi akibat bunuh diri, semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh (1) tahun pertama dari tarikh sijil berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, semua caruman yang telah dibayar akan dikembalikan.

Sekiranya kematian Orang Yang Dilindungi berlaku atas sebarang sebab sebelum mencapai umur dua (2) tahun pada hari ulang tahun kelahiran, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, Kami akan mengembalikan semua caruman yang telah dibayar ditolak sebarang Manfaat Tunai Terjamin yang telah diterima.

Sekiranya kematian bukan akibat kemalangan bagi Orang Yang Dilindungi berlaku dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh sijil berkuat kuasa, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, Kami akan mengembalikan semua caruman yang telah dibayar ditolak sebarang Manfaat Tunai Terjamin yang telah diterima.

KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL

1. Sekiranya KMK bagi Orang Yang Dilindungi berlaku atas sebarang sebab sebelum mencapai umur dua (2) tahun pada hari ulang tahun kelahiran, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, Kami akan mengembalikan semua caruman yang telah dibayar ditolak sebarang Manfaat Tunai Terjamin yang telah diterima.
2. Sekiranya KMK bukan akibat kemalangan bagi Orang Yang Dilindungi berlaku dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh sijil berkuat kuasa, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, Kami akan mengembalikan semua caruman yang telah dibayar ditolak sebarang Manfaat Tunai Terjamin yang telah diterima.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

3. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah sijil anda untuk KMK bagi Orang Yang Dilindungi yang telah wujud sebelum atau pada tarikh sijil berkuat kuasa, atau yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
 - i. Cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri, semasa waras atau tidak waras;
 - ii. Penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewa yang diiktiraf;
 - iii. Perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang operasi berunsur perang;
 - iv. Sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau penganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh Orang Yang Dilindungi; atau
 - v. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan oleh *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



mybankmuamalat



@bankmuamalatmy



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk ilustrasi manfaat dan helaian keterangan produk bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri-ciri penting dan manfaat-manfaat pelan untuk kefahaman sebelum menyertai pelan ini.

M-Zahra Income Takaful merupakan produk yang patuh Syariah.

Pelan takaful ini diedarkan oleh: **Bank Muamalat Malaysia Berhad**
196501000376 (6175-W)
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.

Untuk menyertai, sila hubungi 03-2600 5500, lawati mana-mana cawangan Bank Muamalat atau layari www.muamalat.com.my untuk keterangan lanjut serta terma dan syarat.



Pelan ini diuruskan oleh:
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad
198401019089 (131646-K)

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
www.takaful-malaysia.com.my

Mengenai Takaful Malaysia

Syarikat Takaful Malaysia Berhad ("STMB") ditubuhkan pada 29 November 1984. Selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA"), lesen komposit STMB dipisahkan kepada dua (2) entiti berlesen pada 1 Jun 2018. STMB, kini dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Takaful Malaysia Keluarga") menguruskan perniagaan Takaful Keluarga sementara Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Takaful Malaysia Am") menguruskan perniagaan Takaful Am. Takaful Malaysia Keluarga adalah syarikat induk dan memiliki 100% Takaful Malaysia Am. Takaful Malaysia Keluarga dan Takaful Malaysia Am beroperasi melalui gabungan rangkaian pusat perkhidmatan di 24 lokasi seluruh negara.

Untuk maklumat, terma dan syarat yang lanjut mengenai pelan ini, sila rujuk pada sijil Takaful anda.

PENYATAAN RISIKO / RISK STATEMENT

TAKAFUL MALAYSIA ADALAH AHLI PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM). SEBAGAI AHLI PIDM, SEBAHAGIAN DARIPADA MANFAAT YANG DILINDUNGI DI BAWAH SIJIL TAKAFUL YANG DITAWARKAN OLEH TAKAFUL MALAYSIA ADALAH DILINDUNGI DARIPADA KERUGIAN SAMA ADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN DARIPADA MANFAAT TAKAFUL OLEH PIDM, SEKIRANYA BERLAKU KEGAGALAN KEPADA AHLI TAKAFUL OPERATOR. UNTUK MAKLUMAT LANJUT MENGENAI HAD PERLINDUNGAN DAN SKOP PERLINDUNGAN, SILA DAPATKAN RISALAH MAKLUMAT PIDM DARI TAKAFUL MALAYSIA ATAU LAYARI LAMAN SESAWANG PIDM (WWW.PIDM.GOV.MY) ATAU HUBUNGI TALIAN BEBAS TOL PIDM (1-800-88-1266).

Diuruskan oleh:



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



[mybankmuamalat](https://www.muamalat.com.my)



[@bankmuamalatmy](https://twitter.com/bankmuamalatmy)



WhatsApp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my

